**PERIBAHASA DALAM BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 KSSM (2020)**
Disusun oleh Cikgu Ahmad Azan Ab. Latif, GCBM KV Wakaf Tembesu
*Draf 1: 1.1.2020*

## TEMA 1 : MEREALISASIKAN IMPIAN

- Kitalah Juara
- Menawan Samudera
- Jutawan Sukan
  - ✓ *Belayar sambil memapan. (hal. 7)*
    *Maksud: Melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus.*
- Lautan Api Kurenangi
  - ✓ *Hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai. (hal.9)*
    *Maksud: Sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara, belajarlah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut.*
- Tangan yang Menggoncang Dunia
  - ✓ *Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. (hal.10)*
    *Maksud: Jika mempunyai cita-cita seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.*
- Menyusuri Pulau Inspirasi
  - ✓ *Orang mengantuk disorongkan bantal. (hal.12)*
    *Maksud:Memperoleh apa yang benar-benar diingini.*

## TEMA 2 : INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA

- Nutrien untuk Minda
- Bahasa Melayu di Persada Dunia
- Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat
  - ✓ *Zaman Tuk Nadur berkajang kain. (hal.21)*
    *Maksud: Suatu masa atau zaman yang telah lalu; Suatu masa atau zaman yang telah lama sekali berlalu.*
- Malaysia Membaca
- Membawa Dunia ke Bilik Darjah
- Jelajah Bahasa

## TEMA 3 : MEMETIK BINTANG

- Kerjaya di Awan Biru
- Saksi Senyap Rungkai Misteri
- Dari Titik ke Titik
- Menjulang Potensi Diri
- Harapan Setinggi Gunung
  - ✓ *Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang. (hal.37)*
    *Maksud: Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah.*
- Penilaian 1

**TEMA 4 : MENJULANG HARAPAN DIBUMI BERTUAH**

- Semerah Rozel
- Terbaik dari Kolam
- Realisasikan Impian
  - ✓ *Bertangguh itu pencuri masa. (hal.49)*
    *Maksud:Melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri.*
  - ✓ *Untung sabut timbul, untung batu tenggelam. (hal.49)*
    *Maksud:Jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah.*
- Serikandi Berjasa!
- Sinar Baharu Penternak Jaya
- Teka Silang Tarsia
- Juadah Penambat Selera
- Petua Nenek untuk Sihat

**TEMA 5 : MEMACU PRODUKTIVITI**

- Rumah Pasang Siap
- Khazanah Hutan Bakau
- Kek Aneka Rona
- Menghadapi Rintangan
- Maju dalam Industri Mutakhir
- Industri Kraf Tangan
  - ✓ *Titik peluh. Maksud:Hasil usaha sendiri. (hal.68)*
- Teka Silang Kata

**TEMA 6 : DUNIA PELANCONGAN**

- Malaysia Syurga Makanan
- Tahan Menghijau
  - ✓ *Hujan halau mentua (hal.74)*
    *Maksud : Hujan sebentar sahaja*
  - ✓ *Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. (hal.74)*
    *Maksud: Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja.*
  - ✓ *Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. (hal.74)*
    *Maksud: Sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya.*
  - ✓ *Takkan lari gunung dikejar. (hal.75)*
    *Maksud: Membuat sesuatu kerja biarlah dengan cermat dan berhati-hati.*
- Warisan Dunia
  - ✓ *Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri. (hal.77)*
    *Maksud: Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.*
  - ✓ *Jauhari sahaja yang mengenal manikam. (hal.77)*
    *Maksud: Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu.*
  - ✓ *Indah khabar daripada rupa. (hal.77)*
    *Maksud: Perkhabaran sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.*
- Pelancong Hijau
- Pos Kuala Mu

- Komik Peribahasa
  - ✓ *Bapa borek, anak rintik. (hal.82)*
    *Maksud: Anak itu mengikut kelakuan dan lain-lain orang tuanya. / Anak menurut baka, kelakuan dan lain-lain dari bapanya.*
  - ✓ *Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. (hal.82)*
    *Maksud: Orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya.*
  - ✓ *Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang. (hal.82)*
    *Maksud: Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa.*
  - ✓ *Kera mendapat bunga. (hal.82)*
    *Maksud: Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain.*
  - ✓ *Bagaimana acuan, begitulah kuihnya. (hal.82)*
    *Maksud: Seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya.*
- Sambil Menyelam Minum Air
  - ✓ *Sambil menyelam minum air. (hal.83)*
    *Maksud: Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.*
- Masa untuk Berlibur
  - ✓ *Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri. (hal.84)*
    *Maksud: Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.*

**TEMA 7 : DEMI KEDAMAIAN**

- Muafakat Korporat
- Jebak Digital
  - ✓ *Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga. (hal.88)*
    *Maksud: Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya.*
- Geruh-gerah Badan Air
  - ✓ *Bagai itik mendapat air. (hal.90)*
    *Maksud: Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai.*
  - ✓ *Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah. (hal.90)*
    *Maksud: Tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.*
  - ✓ *Kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang.*
    *Maksud: Tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal. (hal.90)*
  - ✓ *Air tenang jangan disangka tiada buaya (hal.90)*
    *Maksud: Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut.*
- Gema Belantara
- Tentang Bulan
- Penilaian 2
  - ✓ *Anak buah. (hal.98)*
    *Maksud: Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / Orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / Pekerja di bawah jagaan kita.*
  - ✓ *Seperti telur di hujung tanduk. (hal.99)*
    *Maksud: Dalam keadaan bahaya, serba sulit.*
  - ✓ *Sambil menyelam minum air. (hal.99)*
    *Maksud: Sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai.*

**TEMA 8 : DALAM LIPATAN KENANGAN**

- Rumah Pusaka Sutan Mangatas
- Darah Satria
- Sejarah Mendewasakan Kita
  - ✓ *Pisang tidak berbuah dua kali. (hal.106)*
    *Maksud: Sekali merugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati.*
  - ✓ *Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. (hal.106 dan 107)*
    *Maksud: Contohi sesuatu yang baik tetapi jauhkan daripada sesuatu yang buruk.*
  - ✓ *Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. (hal.106)*
    *Maksud: Jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera.*
- Tekstil Warisan
- Tercatat dalam Sejarah
- Ala, Emak Kahwinkan Aku
  - ✓ *Mata air. (hal.112)*
    *Maksud: Orang kesayangan, kekasih.*
  - ✓ *Jalan tengah. (hal.113)*
    *Maksud: Mengambil keputusan yang tidak berat sebelah.*
- Yang Lama Jangan Dilupakan

**TEMA 9 : SAYANGI MALAYSIAKU**

- Bukan Sebarang Seniman
- Identitiku
- Amalan Hidup Bermasyarakat
- Menu Malaysia di Serata Dunia
- Misi Kemanusiaan
- Sebutir Permata Budaya
- Amalan Hidup Bermasyarakat
- Tiada Rintangan dapat Menghalang

**TEMA 10 : BANGSA BUGAR, SASTERA KEKAR**

- Tukang Tulis
- Sasterawan dari Utara
  - ✓ *Harga diri. (hal.133)*
    *Maksud: Maruah.*
- Bahasa Murni, Wajah Peribadi
- Sastera Untuk Masyarakat
- Pencinta Bahasa
- Penilaian 3
  - ✓ *Membuang muka. (hal.141)*
    *Maksud: Berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai.*

**TEMA 11: EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA**

- Belanjawan Dinamik
- Mendung Beralih Jua
- Tunaikan Tanggungjawabmu
- Yakin, Pasti Boleh!

- Simpan, Labur, dan Untung
- Tak Takut Rugi?
- Manfaat Cukai

**TEMA 12 : ASLI DAN KONTEMPORARI**
- Ekspresi Diri
- Asimilasi Seni
- Indahnya Terapeutik
- Dari Dapur Bonda
- Hutan Kecilku
- Kraf Malaysia
- Duta Remaja Filharmonik

**TEMA 13: SEGALANYA BERMULA DISINI**
- Lubuk Akal, Tepian Ilmu
- Patah Dagu, Bertongkat Paruh
- Kuasa Graviti
- Panorama Diorama
  - ✓ *Membuka mata / Buka mata. (hal.180)*
    *Maksud: (i) Melihat dan meluaskan pandangan. (ii) Menyedarkan atau menginsafkan orang lain.*
- Pulau 11 Gelaran
- Penilaian 4

**TEMA 14 : SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU**
- Ikrar Anda, Harapan Mereka
- Mitos Perubatan
- Vektor Pembawa Penyakit
- Debu-Debu di Udara
- Marah, Jangan Engkau Marah
  - ✓ *Panas baran (hal. 198) .*
    *Maksud: Cepat marah.*
  - ✓ *Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa. (hal.199)*
    *Maksud: Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.*
- Wajah Dambaan Hati
- Cegah Sebelum Parah

**TEMA 15 : ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI**
- Bahasa Alam
- Futuris
  - ✓ *Ambil kira. (hal.207)*
    *Maksud: Mempertimbangkan.*
- Harga Teknologi
- Makan Sains, Tidur Sains
- Inovasi 5G
- Biodiesel

**TEMA 16 : DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN**

- Belia Positif, Terserlah Wibawa
- Mari Mengundi
  - ✓ *Malang tidak berbau. (hal.220)*
    *Maksud: Keadaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya.*
- Pemimpin Berkesan, Pencetus Kejayaan
- Kecindan Pemimpin
  - ✓ *Anak buah. (hal.224)*
    *Maksud: Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / Orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / Pekerja di bawah jagaan kita.*
  - ✓ *Anak bongsu. (hal.224)*
    *Maksud: Anak yang paling muda dalam keluarga.*
- Muafakat Serantau
- Penilaian 5
  - ✓ *Alah membeli, menang memakai. (hal.232)*
    *Maksud: Walaupun terasa berat membeli sesuatu barang yang mahal harganya tetapi barang itu bermutu dan tahan lama.*
  - ✓ *Membaca jambatan ilmu. (hal.232)*
    *Maksud: Amalan membaca dapat membantu kita menambahkan pengetahuan.*
  - ✓ *Biar putih tulang jangan putih mata. (hal.232)*
    *Maksud: Lebih baik mati daripada tidak dapat apa yang diidamkan.*
  - ✓ *Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa / Berkata pelihara lidah. (hal.232)*
    *Maksud: Berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.*
  - ✓ *Yang lama dikelek, yang baharu didukung. (hal.232)*
    *Maksud: Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu.*
  - ✓ *Belakang parang kalua diasah lagikan tajam. (hal.232)*
    *Maksud: Biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga. / Orang yang bodoh kalau diajar betul-betul, pandai juga sudahnya.*

**SKRIP PENDENGARAN**

- ✓ *Duit saku / Wang saku. (hal.252)*
  *Maksud: Wang perbelanjaan peribadi.*
- ✓ *Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi. (hal.252)*
  *Maksud: Mendapat apa yang diingini.*
- ✓ *Belayar sambil memapan, merapat sambil belayar. (hal.254)*
  *Maksud: Sekali melakukan kerja, dua kali maksud tercapai.*
- ✓ *Air tangan. (hal.257)*
  *Maksud: Masakan seseorang.*